



Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'

Junaidi Awang Besar¹, Rosmadi Fauzi², Amer Saifude Ghazali², Mohd Azlan Abdullah¹, Mazlan Ali³, Ahmad Rizal Mohd Yusof⁴

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, ²Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, ³UTM PERDANA School of Science, Technology and Innovation Policy, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur, ⁴Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Correspondence: Junaidi Awang Besar (email: jab@ukm.my)

Abstrak

Pilihan Raya Umum (PRU) pada tahun 2013 merupakan PRU paling sengit dalam sejarah pilihan raya umum di Malaysia dan disifatkan sebagai 'ibu' kepada kesemua 13 PRU yang telah diadakan di negara ini. Walaupun dalam PRU ke-13 ini BN berjaya mengekalkan status quo di peringkat nasional dengan memenangi 133 kerusi Parlimen dan 275 kerusi DUN namun mengalami penurunan penguasaan jumlah kerusi di kedua-dua perwakilan tersebut. BN juga seterusnya gagal mendapat majoriti dua pertiga kerusi Parlimen selain tumpas di Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan. Lebih menarik apabila Pakatan Rakyat (PR), iaitu gabungan parti PKR, DAP dan PAS, berjaya menguasai 12 daripada 14 kerusi Parlimen di kawasan bandar ibu negeri. Fenomena ini digelar 'tsunami politik bandar'. Justeru itu, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis faktor yang menyebabkan berlakunya 'tsunami politik bandar' dalam PRU 2013 di Malaysia. Analisis data keputusan PRU 2004, 2008 dan 2013 menunjukkan bahawa 'tsunami politik bandar' berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti *facebook*, *twitter*, laman web, blog dan juga SMS di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada PR. Kos sara hidup yang tinggi dan manifesto PR yang berjanji mahu menurunkan harga bahan api, menurunkan harga kereta, mewujudkan pentadbiran yang lebih adil dan telus juga menjadi faktor kemenangan PR dalam PRU ke-13 di kawasan bandar.

Katakunci: calon, etnik, media alternatif, pilihan raya umum, politik bandar, sumber maklumat politik

Malaysia's General Election (GE) 2013: An analysis of urban political 'tsunami'

Abstract

The 2013 General Election is the most intense in the history of general elections in Malaysia and as such regarded as the 'mother' to all the thirteen general elections ever held in this country. In this GE although BN maintained the status quo at the national level by winning 133 parliamentary seats and 275 state seats it experienced a decline in both representative seats. BN also failed to get two-thirds majority in the parliament besides losing the states of Selangor, Pulau Pinang and Kelantan. Even more interesting, Pakatan Rakyat (PR) comprising PKR, DAP and PAS managed to capture 12 of the 14 state capital parliamentary seats. This phenomenon has been widely known as an urban political 'tsunami'. This article examines the factors that had influenced the Malaysian urban political 'tsunami' in the last 13th General Elections. Analyses of election data for years 2004, 2008 and 2013 and those of secondary

data from various sources showed that the urban political 'tsunami' was due to the increase in the access level of urban voters to political information which was widely available in the alternative media such as facebook, twitter, websites, blogs and SMS in addition to the solid support of Chinese voters as well as overwhelming supports from professionals and young voters. The high cost of urban living regarding which the PR manifesto importantly promised to bring down fuel and car prices and to promote fair and transparent governance had also been influential in ensuring the PR's victory in the general elections.

Keywords: alternative media, candidate, election, ethnicity, political information, urban politics

Pengenalan

Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13, 2013 merupakan PRU paling sengit dalam sejarah pilihan raya umum di Malaysia dan disifatkan sebagai 'ibu' kepada kesemua 13 PRU yang telah diadakan di negara ini. PRU ke-13 juga mencatatkan penyertaan jumlah calon paling ramai dalam sejarah politik tanah air melibatkan 579 calon bagi kerusi Parlimen dan 1,321 calon di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) termasuk 189 calon bebas di kedua-dua kerusi tersebut. Keputusan PRU ke-13 menunjukkan Barisan Nasional (BN) masih mengekalkan status quo di peringkat nasional dengan memenangi 133 kerusi Parlimen dan 275 kerusi DUN namun mengalami penurunan penguasaan jumlah kerusi kedua-dua perwakilan tersebut seterusnya gagal mendapat majoriti dua pertiga kerusi Parlimen juga gagal menawan Pulau Pinang dan Kelantan selain kehilangan Selangor.

Seperkara yang menarik dalam PRU Ke-13 ini ialah keupayaan Pakatan Rakyat (PR) iaitu gabungan parti-parti pembangkang, iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Islam SeMalaysia (PAS), menguasai 12 daripada 14 kerusi Parlimen yang terletak di kawasan bandar ibu negeri kecuali Johor Bahru dan Kangar. Keadaan ini digelar sebagai 'tsunami politik bandar'. Kawasan persekitaran bandar yang majoritinya dihuni oleh kaum Cina lazimnya mengalami pembangunan yang pesat akibat kemajuan pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi dalam kalangan penghuni bandar yang sifatnya berterusan. Dari sudut persekitaran kemanusiaan, politik bandar adalah berkaitan dengan tingkah laku ahli politik dan penghuni bandar, institusi politik bandar dan dasar kerajaan tempatan. Ia juga berkaitan dengan isu kehidupan penduduk bandar dan kaedah menanganinya. Terdapat banyak cabaran politik yang dihadapi oleh pihak berkuasa bandar sama ada kerajaan tempatan, kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan. Cabaran tersebut dapat dikaitkan dengan dua ciri utama bandar, iaitu pertama, kerajaan tempatan tidak mempunyai kuasa formal yang diperlukan untuk menyelesaikan isu-isu kehidupan penduduk bandar dalam kawasan sempadan pentadbiran mereka dan; penduduk kawasan bandar metropolitan pula bukan sahaja sangat heterogen dari segi etnik, bangsa dan kelas tetapi juga lebih maju terkehadapan dalam konteks budaya, tingkah laku dan persepsi politik.

Sejarah telah membuktikan bahawa penduduk bandar yang maju dan berfikiran dinamik telah banyak mempengaruhi hampir setiap aspek politik bandar dan terus memainkan peranan penting dalam arus politik perdana hari ini. Politik bandar juga berkaitan dengan tentang warisan kerajaan tempatan masa lampau, dasar pembangunan dan tanggungjawab kerajaan tempatan selain peranan kerajaan persekutuan dan negeri dalam hal ehwal perbandaran. Kepentingan pengaruh pembangunan ekonomi dan aspek demografi ke atas politik bandar adalah suatu perkara yang telah diketahui umum dan terbukti di banyak negara di dunia. Politik bandar juga merangkumi kajian pertumbuhan dan pembangunan, jentera/mekanisme politik, ketaksamaan dan pengasingan, regionalisme, sub-urbanisasi, perumahan, sekolah sebagai institusi bandar, dan politik baru dalam *exclusionisme* dan isu-isu keselamatan. Dalam konteks kajian ini, politik bandar ketika PRU Ke-13 mengalami anjakan pola pengundian yang menarik di mana hampir keseluruhan kerusi parlimen bandar utama di Malaysia jatuh ke tangan PR. Perubahan tingkah laku politik tersebut bukan sahaja boleh dikaitkan dengan faktor kepimpinan negara tetapi juga akibat peningkatan akses pengundi bandar terhadap media alternatif/internet. Isu politik sivil, peningkatan kos sara hidup di bandar, kemerosotan ekonomi, peningkatan kes jenayah dan kemerosotan kualiti penghuni bandar membelenggu pengundi bandar khususnya. Sehubungan itu, adalah menjadi tujuan

makalah ini untuk mengkaji fenomena tsunami politik bandar yang dikaitkan dengan sokongan etnik Cina kepada Pakatan Rakyat (PR) dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13, 2013 dan faktor yang mempengaruhinya.

Artikel ini adalah sebuah ulasan. Data asas yang digunakan dalam penulisan ini adalah rekod keputusan Pilihan Raya Umum 2004, 2008 dan 2013. Perbincangan ditumpukan ke kawasan-kawasan parlimen yang terletak di 12 bandar besar ibu negeri, iaitu Kuching, Kuantan, Georgetown (Tanjung), Ipoh, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu, Kota Bharu, Kuala Lumpur, Alor Setar, Seremban, Shah Alam dan Kota Melaka. Data sekunder daripada sumber yang lain seperti buku, laporan, terbitan berkata dan jurnal, bahan bercetak, akhbar dan maklumat atas talian, iaitu laman web dan blog turut digunakan.

Sorotan literatur: Politik bandar

Politik bandar ialah senario politik yang berlaku di dalam dan di sekitar kawasan bandar. Istilah ini merujuk kepada kepelbagaian struktur politik yang ada di kawasan bandar di mana terdapat pelbagai bangsa, budaya dan status ekonomi di kawasan tersebut. Politik bandar ialah bidang kajian sains politik yang termasuk bidang kajian bandar, yang menggabungkan banyak aspek bandar, pinggir bandar, dan pemandaran. Ini termasuklah perkara seperti struktur kuasa politik; etnik, kelas, jantina, hubungan sosial di bandar dan pinggir bandar; dan politik ruang dan hubungan reruang.

Proses pemandaran di seluruh dunia yang berterusan sesetengahnya digambarkan sebagai satu bentuk proses semula jadi, seperti yang ditentukan oleh keadaan dan struktur ekonomi atau sesuatu yang lain di luar kawalan manusia. Bagaimanapun, kajian politik bandar menunjukkan keadaan yang berbeza sama sekali, bahawa proses pemandaran mempunyai kaitan dengan pengaruh politik. Politik bandar berlaku di lapangan (ruang bandar) dalam kalangan masyarakat dan berkongsi dengan ruang kehidupan sehari-hari penduduknya. Ini membuatkan kajian politik bandar amat mencabar dan sukar untuk dianalisis dengan tepat dan rasional (Jacobs, 1961). Pendekatan Marxism dalam kajian politik bandar mengkonsepikan bandar sebagai entiti geografi yang dihasilkan dan diterbitkan semula melalui kapitalisme, bukan sebagai sesuatu yang neutral di mana terdapat juga kuasa autonomi politik tempatan. Marx juga menganggap persoalan organisasi, motivasi dan kuasa elit bandar dan pengurus boleh dipersoalkan dan merupakan sebagai halangan untuk bandar berubah menjadi lebih maju. Beliau juga mengkonsepikan semula bandar sebagai tapak penindasan kapitalis. Ejen pemodal bukan sahaja bertindak ke atas bandar untuk menghasilkan keadaan yang baik bagi tujuan pengumpulan modal, tetapi pada masa yang sama juga menjadikannya sebagai tapak konflik yang dihasilkan oleh pemodal bagi membantu mengekalkan kapitalisme (Jones, 2004; Toothman, 2010; Owens et al., 2010). Oleh itu, konflik di bandar melibatkan bukan sahaja pemodal tetapi juga pihak berkuasa bandar, penduduk, keadaan sosial, ekonomi dan budayanya. Di bawah naungan ahli-ahli politik dengan pelbagai mekanisme yang di sokong oleh pemodal, penguasa bandar maju ke hadapan melalui dasar, yang dipacu oleh aktiviti perdagangan, pengeluaran dalam suasana keselamatan yang terjamin. Dalam hal tersebut, hubungan penduduk dan penguasa bandar sama ada secara harmoni atau berkonflik, adalah sebahagian daripada proses politik bandar.

Kajian Zarycki (2000) di Poland dan Republik Czech mendapati pengundi bandar di Poland lebih bersifat liberal dalam menerima proses pemandaran. Namun pengundi di Republik Czech lebih bersikap konservatif dan tidak dapat menerima pembaharuan di dalam kawasan perbandaran mereka. Krebs (2001) mendapati dana kewangan, pengalaman dan strategi kempen adalah penting untuk menang dalam pilihan raya perbandaran seterusnya mengetahui selok belok politik bandar di kawasan yang ingin ditandingi calon berkenaan. Wood (2002) menjelaskan pilihan raya perbandaran untuk memilih ahli politik lebih tinggi kadar pembuangan undinya berbanding pemilihan ahli pentadbiran kerana mereka beranggapan ahli politik lebih berpengaruh dalam menentukan dasar pembangunan di kawasan mereka.

Di Asia Timur, kajian yang serupa turut dilakukan. Misalnya Tang (2003) mendapati gerakan sivil berperanan mempengaruhi politik bandar di Taiwan melalui gerakan alam sekitar dalam mendesak pihak

berkuasa perbandaran untuk membatalkan sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan alam sekitar. Peng (2005) menjelaskan dalam konteks politik bandar, manifesto dan kempen yang dilakukan oleh ahli politik wanita adalah penting dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya di bandar seterusnya mewujudkan gelombang politik baru di Jepun.

Tsunami politik bandar dalam PRU 2013

Keputusan PRU13 pada 5 Mei 2013 menunjukkan berlakunya persaingan sengit antara BN dan PR. BN menguasai 133 kerusi Parlimen iaitu lebih 44 kerusi daripada PR, namun pecahan undi menunjukkan bahawa undi popular bagi kerusi Parlimen PR melebihi 300,000 undi. Bersandarkan kepada analisis itu, daripada 14 kawasan parlimen bandar/ibu negeri, PR didapati mendominasi 12 kawasan parlimen yang merupakan ibu negeri, kecuali di Kangar dan Johor Bahru yang dikuasai BN. Antara kawasan ibu negeri yang dimenangi PR adalah Kuching, Kuantan, Georgetown (Tanjung), Ipoh, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu, Kota Bharu, Kuala Lumpur, Alor Setar, Seremban, Shah Alam dan Kota Melaka. PR juga berjaya mengekalkan dominasi di Wilayah Persekutuan dengan memenangi sembilan daripada 13 kerusi yang dipertandingkan. BN menang di kawasan Parlimen Putrajaya, Labuan, Setiawangsa dan Titiwangsa. Bagi kerusi Parlimen Selangor pula, PR berjaya mengekalkan dominasi kawasan bandar dan pinggir bandar, iaitu di Petaling Jaya, Serdang, Ampang, Puchong, Kelana Jaya, Gombak, Subang, Shah Alam, Kapar, Klang dan Kota Raja. BN menang di kawasan luar bandar, iaitu Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjong Karang, Hulu Selangor dan Kuala Selangor. Negeri Sembilan turut mencatat kemenangan PR di kawasan bandar, iaitu di Seremban dan Rasah, manakala BN unggul di kawasan luar bandar seperti Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin. Secara keseluruhan, PR dilihat mempunyai sokongan yang kuat di kawasan bandar sehingga berjaya menang hampir di kesemua ibu negeri, termasuk Sabah dan Sarawak. Sokongan pengundi terhadap PR di kawasan parlimen bandar adalah fenomena yang mencetuskan tsunami politik bandar (Lihat Jadual 1).

Jadual 1. Peningkatan jumlah undi Pakatan Rakyat/PR (DAP, PKR dan PAS) berbanding BN di 12 kawasan parlimen yang terletak di kawasan bandar/ibu negeri pada PRU 2004, 2008 dan 2013

No.	Nama Parlimen	PR			BN		
		2004	2008	2013	2004	2008	2013
P195	Bandar Kuching	17,914	22,901	30,133	15,873	12,949	10,491
P083	Kuantan	12,177	18,398	25,834	21,324	16,572	21,319
P049	Tanjong	21,652	28,248	35,510	17,424	9,759	6,865
P064	Ipoh Timor	28,851	37,364	49,086	19,077	15,422	15,086
P172	Kota Kinabalu	5,187	9,464	28,516	15,993	8,420	9,557
P036	Kuala Terengganu	29,061	31,934	45,828	30,994	32,562	35,043
P021	Kota Bharu	22,108	32,129	40,620	23,831	20,841	24,650
P120	Bukit Bintang	19,103	26,811	30,408	18,799	12,534	11,009
P009	Alor Setar	13,864	20,557	27,364	28,379	20,341	25,491
P128	Seremban	20,306	32,970	45,628	36,542	29,022	33,075
P108	Shah Alam	19,007	33,356	49,009	32,417	24,042	38,070
P138	Kota Melaka	30,998	38,640	49,521	31,217	27,250	28,775

Sumber: SPR 2004, 2008 dan 2013

Pada keseluruhannya BN masih didapati dominan di luar bandar, terutama di kawasan pedalaman, FELDA dan pinggir bandar. Antara faktor yang dilihat menyukarkan PR untuk menembusi kawasan luar bandar adalah halangan maklumat untuk sampai kepada pengundi, khususnya di kawasan yang tiada kemudahan internet. Kecenderungan pengundi pada PRU13 terbahagi kepada dua, iaitu yang membawa

harapan demokrasi dan harapan pembangunan. Keputusan PRU ke-13 menyaksikan jika kawasan yang majoriti penduduknya meletakkan harapan pembangunan itu lebih tinggi, di situlah BN menang (<http://www.sinarharian.com.my/tawan-hampir-semua-ibu-negeri-1.162541>). Walaupun BN memang pakar menjaga harapan pembangunan, namun ia masih perlu bekerja keras untuk menangani harapan rakyat terhadap proses demokrasi sebenar khususnya bagi kawasan bandar. Ini kerana, jika sekiranya BN mengabaikan harapan majoriti pengundi bandar yang lebih condong kepada pemulihan demokrasi, maka di situ BN akan kalah.

Dalam konteks Malaysia, majoriti penghuni bandar adalah etnik Cina. Sikap dan tindakan kaum Cina yang mendominasi pengundi bandar dengan tidak menyokong kerajaan dianggap sebagai fenomena politik bandar. Di bandar, keputusan politik penduduknya berbeza dengan luar bandar. Ini kerana penduduk bandar yang lebih maju dikatakan tidak perlu apa-apa kerana segala kemudahan sudah lengkap dan tidak perlu meminta-minta. Ini disebabkan suasana politik bandar yang berkait rapat dengan struktur dan sosioekonomi masyarakat penduduknya. Di bandar juga ramai golongan pertengahan yang terdedah kepada segala bentuk komunikasi dan ideologi. Keadaan sosioekonomi yang umumnya lebih baik menghasilkan corak pemikiran politik yang lebih bebas. Kecenderungan penduduk bandar kepada budaya moden dan kemajuan kebendaan selari dengan pemikiran politik yang demokratik seperti yang didukung oleh PR. Walaupun wujud jurang pendapatan yang agak ketara antara isi rumah miskin dan isi rumah yang lebih berada, khususnya golongan peniaga, pedagang dan profesional, suara mereka yang mempunyai sumber kewangan yang teguh dapat menenggelamkan suara golongan miskin yang cenderung kepada pembangunan. Malah para pemodal, khususnya etnik Cina yang banyak menguasai hartanah bandar, mempunyai pengaruh yang kuat terhadap corak pembangunan ekonomi. Penguasaan ekonomi oleh golongan pemodal Cina dapat dilihat misalnya melalui pembangunan dan pemilikan premis perniagaan dan rumah kediaman. Pola penguasaan ekonomi secara tidak langsung mempengaruhi taburan penduduk bandar. Majoriti penduduk bandar besar adalah etnik Cina. Walaupun tidak semua korporat menyebelahi PR tetapi pengaruh mereka ke atas pengundi supaya menyokong BN kurang ketara. Pihak Pakatan Rakyat akan terus mendapat sokongan daripada pengundi bandar berbanding luar bandar di mana pengundinya lebih cenderung kepada BN. Kekuatan PR di kawasan bandar antara lain juga kerana pengundinya lebih terdedah kepada maklumat politik yang tersebar melalui internet. Ini membuatkan pengundi bandar bersikap lebih selektif dalam menilai isu. Mereka akan memilih calon lebih popular dan menghayati demokrasi berbanding faktor parti.

Kelebihan dari segi akses kepada maklumat politik tidak berlaku dalam kalangan pengundi luar bandar yang lebih cenderung memilih parti berbanding calon. Secara keseluruhannya, politik luar bandar yang majoriti pengundinya orang Melayu lebih bersifat 'feudalisme', iaitu patuh dan taat kepada pemerintah dan mengekalkan 'status quo' UMNO sebagai wadah perjuangan orang Melayu di Malaysia. Ini dikuatkan lagi dengan hujah bahawa orang Melayu sebagai pribumi asal serta pejuang kemerdekaan di Malaysia dan merupakan 'tuan' serta terus-menerus menguasai politik dan pentadbiran di negara ini. Justeru, hegemoni politik Melayu dijangka terus kekal relevan selagi UMNO, sebagai parti keramat orang Melayu, bertapak dan berperanan kukuh dalam mempertahankan hak dan kedaulatan Melayu di negara ini. Pengundi Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar rata-rata hanya menerima maklumat daripada media arus perdana seperti akhbar Utusan Malaysia, Berita Harian serta media elektronik seperti RTM dan TV3. Mereka kurang terdedah kepada media sosial baharu. Ramai juga yang masih dibelenggu kemiskinan serta serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur.

Keadaan di luar bandar yang didominasi orang Melayu dan budaya Melayu yang serba sederhana amat mempengaruhi kecenderungan politik mereka. Sentimen 'Politik Pembangunan' sangat tebal kerana mereka masih memerlukan bantuan serta mempunyai mentaliti bahawa orang Melayu sebagai 'tuan' dan penduduk 'asal' di Malaysia ini dan berpandangan hanya UMNO/BN yang layak dan sesuai mentadbir negara dan negeri berdasarkan pengalaman 56 tahun memerintah negara dan negeri. Oleh itu, pengundi luar bandar akan terus menyokong UMNO/BN. Hal ini berbeza dengan kaum Cina yang kebanyakannya tinggal di kawasan bandar yang sudah mempunyai kemudahan asas yang mencukupi serta mempunyai struktur ekonomi yang kukuh dan budaya dengan cara mereka yang tersendiri; ditambah pula mempunyai

akses maklumat melalui media alternatif seperti kemudahan jalur lebar/internet (blog, facebook dan twitter) dan SMS yang pantas dan pelbagai secara dominannya menyokong Pakatan Rakyat. Justeru, jika keadaan sedemikian berlarutan maka BN akan terus gagal mencapai kemenangan majoriti 2/3 kerusi Parlimen dan terus menjadi Pembangkang di negeri-negeri yang mempunyai kerusi yang majoritinya kaum Cina.

Kepentingan etnik Cina dalam tsunami politik bandar

Analisis ke atas keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 menunjukkan bahawa majoriti pengundi Cina terutamanya di kawasan bandar memihak kepada Pakatan Rakyat (PR) (Lihat Jadual 2). Slogan 'Ubah' yang dilaungkan oleh PR memberi pengaruh besar terutamanya dalam kalangan pengundi muda kaum Cina. Analisis juga memperlihatkan kira-kira 80 peratus pengundi Cina di kawasan bandar lebih berpihak dan cenderung kepada parti-parti PR. Peratusan paling rendah adalah sebanyak 70 peratus (<http://news.abnxc.com/bm/2013/05/peralihan-pengundi-cina-ke-dap/>). Bagaimanapun, kemaraan pengundi Cina yang rata-ratanya terdiri kalangan golongan muda yang inginkan perubahan masih gagal merobohkan benteng Barisan Nasional dan seterusnya belum berjaya untuk menguasai Putrajaya. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggambarkan PRU-13 sebagai 'tsunami masyarakat Cina'. Keadaan ini sebenarnya sudah berlaku sejak pilihan raya tahun 2004 dan 2008 lagi.

Jadual 2. Undi yang diperolehi PR/DAP dan BN di kawasan Parlimen majoriti (%) pengundi etnik Cina pada PRU 2004, 2008 dan 2013 mengikut ranking

No.	Nama Parlimen	Jumlah pemilih (2013)	Peratus Mengundi (2013)	Cina (%)	PR/DAP			BN		
					2004	2008	2013	2004	2008	2013
P114	Kepong	68,157	86.1	88.4	23,282	35,552	47,837	21,428	11,704	7,530
P122	Seputeh	86,114	83.6	88.0	33,197	47,230	61,500	20,302	10,738	9,948
P049	Tanjong	51,690	83.3	85.2	21,652	28,248	35,510	17,424	9,759	6,865
P123	Cheras	72,663	82.0	81.8	29,056	39,253	48,249	17,195	10,953	10,840
P064	Ipoh Timor	82,025	79.7	79.3	28,851	37,364	49,086	19,077	15,422	15,086
P172	Kota Kinabalu	50,569	78.3	79.0	5,187	9,464	28,516	15,993	8,420	9,557
P106	PJ Utara	85,536	82.8	77.2	19,379	37,851	54,407	32,422	17,879	12,735
P048	Bukit Bendera	71,259	83.20	73.7	17,564	31,243	45,591	28,281	15,131	12,813
P120	Bukit Bintang	55,887	75.10	73.1	19,103	26,811	30,408	18,799	12,534	11,009
P196	Stampin	84,820	77.3	73.0	13,424	18,896	41,663	21,155	21,966	22,993
P211	Lanang	57,223	78.7	72.0	10,174	14,612	26,613	14,895	19,476	17,983
P045	Bukit Mertajam	79,137	88.1	71.2	26,215	27,817	55,877	17,651	22,050	12,814
P043	Bagan	68,628	87.3	69.5	23,095	33,748	46,466	19,473	11,678	12,307
P208	Sarikei	36,611	77.6	66.0	TM	10,537	14,263	15,485	10,588	13,758
P212	Sibu	64,732	79.9	65.0	17,161	15,903	26,808	20,501	19,138	23,967
P065	Ipoh Barat	77,920	81.1	62.2	22,935	32,576	45,420	22,337	17,042	16,382
P186	Sandakan	37,065	75.3	60.0	TM	8,121	14,226	8,208	8,297	13,138
P138	Kota Melaka	92,551	86.3	59.1	30,998	38,640	49,521	31,217	27,250	28,775
P163	Kulai	84,149	89.3	56.1	14,134	20,273	43,338	32,278	32,017	29,888
P046	Batu Kawan	57,593	87.3	55.7	6,552	23,067	36,636	17,097	13,582	10,674
P145	Bakri	67,329	87.0	53.2	10,261	21,051	31,118	29,320	20,329	26,051

TM = Tiada maklumat

Sumber: SPR 2004, 2008 dan 2013

Beberapa contoh dapat menjelaskan kepentingan pengundi Cina dalam menyumbang kepada tsunami politik bandar. Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), di parlimen Gelang Patah, Johor bilangan

keluar mengundi dalam PRU 2013 lebih ramai, iaitu 89.1 peratus berbanding masing-masing hanya 70 peratus dan 80 peratus dalam PRU 2004 dan 2008. Ini menyumbang kepada kemenangan Penasihat Parti DAP, Lim Kit Siang yang mengalahkan calon popular iaitu bekas Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dengan majoriti 14,762 undi. Di Johor juga DAP turut berjaya menakluk kerusi parlimen di bandar Kluang, Bakri dan Kulai yang rata-ratanya dibantu dengan sokongan kuat daripada pengundi Cina. Namun DAP tewas di beberapa kawasan seperti di Tanjong Piai dan Labis. Lebih ketara lagi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, DAP mencatatkan kemenangan ke atas lima kerusi yang ditandinginya iaitu Kepong, Bukit Bintang, Cheras, Segambut dan Seputeh. Di Melaka, calon DAP, Sim Tong Him mengekalkan kerusi parlimen Kota Melaka dengan 49,521 bilangan undi mengalahkan calon BN (Yee Kok Wah) sebanyak 28,775 undi dengan majoriti 20,746. Namun DAP terpaksa menerima kekalahan di bandar kecil Alor Gajah menerusi Damian Yeo Shen Li yang hanya mendapat 20,997 undi berbanding pencabarnya dari BN, Koh Nai Kwong yang menang dengan kiraan undi sebanyak 32,594 iaitu 11,597 majoriti. Di Negeri Sembilan, Parlimen Seremban masih lagi kekal milik DAP walaupun calonnya Loke Siew Fook menghadapi pertandingan lima penjurua iaitu dua calon bebas, BERJASA dan BN namun menang dengan majoriti 12,553. Pertandingan di negeri Perak DAP mencatat kemenangan selesa di kebanyakan kerusi Parlimen majoriti Cina, iaitu di Kampar, Beruas, Telok Intan, Batu Gajah, Ipoh Barat, Ipoh Timur dan Taiping (<http://news.abnxc.com/bm/2013/05/peralihan-pengundi-cina-ke-dap/>)

Sumbangan pengundi Cina juga dapat diperhatikan di Selangor. DAP meneruskan penguasaannya di kerusi Parlimen Petaling Jaya Utara (Tony Pua), Puchong (Gobind Singh Deo) serta Klang (Charles Santiago). Sokongan padu pengundi Cina turut menyumbang kepada kemenangan pendatang baru dalam arena politik tanah air iaitu Ong Kian Ming dengan 79,238 undi menewaskan Datuk Yap Pian Hon (BN) 37,032 undi dengan majoriti 42,206 di Serdang. Kemenangan DAP di kawasan majoriti pengundi Cina jelas memperlihatkan gelombang berupa tsunami pengundi Cina pada PRU kali ini walaupun gagal menembusi tembok BN untuk ke Putrajaya.

Pengaruh politik bandar dalam Pilihan Raya Umum Malaysia 2013

Politik bandar di Malaysia dikaitkan dengan persepsi dan tingkah laku politik penghuni bandar yang akhirnya diterjemahkan melalui kuasa undi dalam sesuatu pilihan raya. Politik bandar di Malaysia dalam keputusan politik pilihan raya umum (PRU) 2013 menunjukkan pengundi bandar majoritinya menyokong parti pembangkang (Pakatan Rakyat). Hal ini terbukti apabila hampir kesemua Bahagian Pilihan Raya Parlimen yang terletak di kawasan bandar terutamanya ibu negeri telah ditawan oleh parti-parti pembangkang, iaitu DAP, PKR dan PAS. Meskipun dalam pilihan raya umum sebelum ini, hanya sebahagian kawasan bandar dimenangi parti pembangkang, namun pada PRU 2013 pengaruh parti pembangkang di kawasan bandar tersebut sangat ketara. Sokongan pengundi bandar terhadap parti pembangkang berkait rapat dengan pengaruh sumber maklumat politik mereka yang lebih luas dan telus, iaitu melalui penggunaan media alternatif/internet dan mereka kritikal terhadap isu-isu utama negara dan masalah kehidupan harian di bandar. Dalam konteks politik bandar di Malaysia hasil daripada PRU 2013, isu-isu nasional dalam pilihan raya umum 2013 seperti kos sara hidup, konsumerisme, keselamatan, integriti, kehakiman, kedudukan kepentingan strategik negara serta isu-isu menyentuh hak asasi manusia telah menjadi perkiraan rakyat terutamanya pengundi bandar berbanding habuan pembangunan mega melalui pelancaran koridor ekonomi bagi pengundi luar bandar. Terbukti, pendekatan politik pembangunan yang cuba dibawa BN kali ini gagal mempengaruhi sokongan para pengundi bandar. Pencapaian 2013 disimpulkan sebagai yang terburuk bagi BN dalam sejarah pilihan raya Malaysia dengan tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan dikuasai Pakatan Rakyat.

Beberapa faktor utama menyebabkan perubahan berlaku kali ini. Faktor yang cuba diketengahkan dalam konteks politik bandar ialah semuanya berkait dengan perubahan minda rakyat yang dilihat semakin kritis pemikiran mereka. Pertama, untuk sekian lamanya keupayaan BN mempertahankan

kejayaan dalam setiap kali pilihan raya umum adalah bergantung kepada kekuatan kempennya yang menonjolkan pencapaian cemerlang dalam pembangunan fizikal dan ekonomi negara. Selama ini, pada setiap kali pilihan raya, rakyat umum memang tertarik dengan pencapaian pembangunan yang dilaksanakan oleh BN. Faktor ini dijadikan ukuran utama mereka menyokong kerajaan BN. Sebaliknya, pada pilihan raya umum kali ini menunjukkan keadaan sebaliknya berlaku. Kempen yang menonjolkan kejayaan pembangunan yang dibawa BN tidak begitu relevan lagi dengan perubahan pemikiran rakyat khususnya dalam kalangan generasi muda yang lebih berpendidikan dan yang tinggal di bandar. Kini, mereka lebih cenderung untuk menilai aspek integriti, moral, hak asasi, keselamatan sosial dan demokrasi dalam konteks yang lebih luas. Mereka melihat bahawa membawa pembangunan adalah tugas asas bagi sesebuah kerajaan yang dilantik. Ia umpama kewajipan bapa memberikan nafkah kepada keluarganya. Justeru, penilaian rakyat hari ini adalah fokus kepada menilai bagaimana 'kek ekonomi' negara diagihkan secara telus dan adil. Rakyat sedia mempersoalkan integriti kerajaan dan wakil rakyat yang dipilih. Mereka sedia untuk menolak secara total mana-mana parti atau calon yang dilihat mempunyai skandal rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan tidak bermoral. Semua ini sudah menjadi penilaian asas pengundi yang semakin kritis terhadap hal yang berkaitan dengan integriti.

Kedua, selama ini sebahagian besar daripada proses pembinaan negara diasaskan kepada 'kontrak sosial'. Kontrak sosial yang memberikan hak istimewa kepada orang Melayu sebagai balasan kepada pemberian taraf kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu sejak negara mencapai kemerdekaan kini mula dilihat oleh sebahagian besar generasi muda berpendidikan sebagai sesuatu yang kurang relevan lagi kerana dalam banyak perkara telah disalahgunakan. Pemberian projek, tender, tanah, bantuan kewangan, pemberian lesen dan perjawatan atas dasar Hak keistimewaan Orang Melayu, sebagai contoh, sudah mula dipertikaikan kerana ia kurang telus dan tidak berasaskan alasan yang kukuh. Perkara ini dibincang dengan begitu meluas di dalam 'media siber', iaitu di laman web dan blog. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dikritik bukan kerana ia tidak mengandungi kebaikan tetapi generasi muda kini sudah mula menilai pelaksanaannya yang dikatakan menyimpang, diselewengkan dan penuh ketirisan sehingga menyebabkan DEB tidak mencapai matlamat sepenuhnya dan hanya berlegar dalam kalangan kelompok tertentu. Justeru itu, serangan terhadap DEB yang banyak dilakukan di dalam 'media siber' dan ceramah politik PR banyak menyumbang kepada perubahan sikap dan pemikiran sebilangan besar pengundi kali ini.

Ketiga, sebahagian besar generasi muda hari ini mula tertarik dengan agenda 'politik sivil' yang dipromosikan oleh parti pembangkang, khususnya DAP dan PKR. Agenda politik sivil lebih menekankan perbincangan yang lebih terbuka mengenai demokrasi, hak asasi, pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial, alam sekitar dan wanita. Politik sivil menentang keras segala bentuk akta yang dianggap bercanggah dengan amalan demokrasi dan hak asasi manusia. Isu sosial dan ekonomi yang melingkari kaum tertentu diperjuangkan sepenuhnya oleh kumpulan tertentu yang disokong oleh parti pembangkang. Politik sivil diperjuangkan dengan hebatnya melalui media siber. Ramai pengendali blog (blogger), khususnya di kalangan mereka yang berpendidikan tinggi membincangkan perkara yang berkaitan dengan politik sivil secara meluas dan terbuka. Perjuangan politik sivil ini banyak mempengaruhi minda rakyat, khususnya di kawasan bandar dan generasi berpendidikan di luar bandar.

Media siber digunakan sepenuhnya oleh parti PR untuk berdepan dengan media konvensional yang dilihat lebih berpihak kepada kerajaan BN. Media siber mengubah kaedah berkempen seperti ditunjukkan dalam PRU kali ini. Selama ini kaedah berkempen secara konvensional seperti perang poster memainkan peranan yang cukup besar dalam mempengaruhi pengundi. Keadaan ini nampaknya sudah berubah. Penguasaan media perdana oleh satu pihak saja juga menimbulkan rasa tidak puas hati sebilangan besar rakyat yang semakin kritis pemikiran mereka. Mereka melihat media perdana berlaku tidak adil kepada parti pembangkang. Apa-apa pun, agak sukar untuk mengukur sejauh mana pemikiran pengundi telah berubah kerana ada banyak lagi persoalan dan teka-teki yang perlu diperhalusi.

Kini, sudah muncul kelompok generasi muda yang berpendidikan menjadi ejen yang aktif kepada perjuangan 'politik sivil', sekaligus mendukung perjuangan parti pembangkang. Di pihak rakyat pula, mereka semakin terpenggil untuk lebih bersikap kritis dan terbuka dalam menilai calon dan parti yang bertanding dalam pilihan raya. Oleh itu, keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 ini melebarkan lagi

masalah dan cabaran yang akan dihadapi orang Melayu, khususnya dalam konteks mempertahankan 'kelangsungan politik' Melayu yang semakin terhakis.

Selepas kejutan berikutan keputusan yang memihak kepada pembangkang di beberapa buah negeri mula reda, muncul pula pelbagai persepsi yang cuba menjelaskan punca perubahan besar dalam corak pengundian. Satu pandangan yang agak popular menyatakan bahawa penggunaan internet sebagai media alternatif amat berkesan dalam menentukan arah tuju keputusan pengundian. Pilihan Raya Umum Ke-13 bukanlah julung-julung kalinya internet digunakan sebagai landasan berkempen calon. Walaupun internet mula digunakan sebagai satu media alternatif sejak Pilihan Raya Umum 1999, keberkesanannya tidak diberi perhatian yang sewajarnya, lantaran keputusan pemilihan yang memihak kepada kemenangan dua pertiga parti pemerintah Barisan Nasional (BN). Ia sekaligus, mengaitkan peranan internet sebagai media alternatif dan seterusnya salah satu punca utama fenomena 'taufan politik yang menggegarkan BN'.

Penggunaan kaedah siber untuk berkempen mula digunakan di negara ini pada pilihan raya umum 1999. Pada abad ke-20, internet atau alam siber sebagai sumber maklumat menjadi semakin penting dan mula berkembang pada 2004 berikutan peningkatan pengguna internet di Malaysia. Peranan media alternatif ini secara meluas dan signifikan dilihat dalam kempen pilihan raya umum 2008 dengan langganan *dial-up* yang menjangkau 11.76 juta orang (<http://kpru2010.wordpress.com/2012/06/08/pembentukan-rejim-kawalan-media-baharu-dan-evolusi-dunia-siber-di-malaysia/>). Sebelum ini, blog, e-mail, video dalam you tube dan SMS menjadi pilihan meluas pemimpin politik dan juga pengundi yang menyokong parti pembangkang untuk berkempen dan berhubung sesama mereka. Namun berdasarkan data terkini, 60 peratus (15 juta) daripada 28 juta rakyat Malaysia telah mengakses internet untuk mendapatkan maklumat politik (Ramanathan, 2008). Terdapat 500,000 blogger yang aktif di Malaysia dengan 10,000 website di Malaysia melalui penetrasi/penembusan sebanyak 40 peratus sekaligus merupakan salah satu daripada komuniti online terbesar di dunia selepas Indonesia dan Kesatuan Eropah (Kaufman, 2008). Hal ini demikian menandakan bermulanya era demokrasi digital di negara ini. Medium tersebut menjadi penting akibat keruntuhan kredibiliti media arus perdana (media tradisional), iaitu media cetak dan media elektronik. Keadaan sedemikian membuatkan rakyat menerima medium digital sebagai media alternatif sebagai saluran meluahkan pandangan. Berkempen menerusi alam siber khususnya laman web, blog politik, khidmat pesanan ringkas (SMS), emel dan persidangan video menjadi kaedah baru yang menghangatkan suasana berkempen sama ada membabitkan parti atau calon yang bertanding bagi tempoh kempen hinggalah hari pemungutan undi.

Di dada akhbar atau menerusi kaca televisyen, penonton dikatakan sudah jemu dengan paparan iklan mahupun sisipan bahan berita yang pro-BN. Berdasarkan hujah ini, bolehlah disimpulkan bahawa seandainya media utama bertindak dengan adil, ia masih berpeluang menyisihkan media alternatif. Dalam perkataan lain, kedua-dua media utama dan media alternatif sama-sama berpeluang menggugat kedudukan masing-masing. Walaupun internet atau khidmat pesanan ringkas (SMS) adalah satu kuasa baru dalam saluran maklumat, ia tidaklah menjadi saluran alternatif yang berkesan berbanding saluran lain. Keberkesanan saluran internet sudah lama diperbincangkan banyak pihak berwibawa seluruh dunia. Saluran fizikal seperti papan iklan, media cetak dan bentuk iklan biasa yang lain masih amat berkesan dan berkuasa untuk menentukan pemikiran pengguna atau pemilih. Yang menjadi persoalan bukanlah kehebatan media alternatif, tetapi kelemahan dalam penggunaan media utama. Sekiranya diteliti dengan terperinci cara media massa seperti televisyen, papan iklan dan kain pemidang digunakan, didapati mereka tidaklah digunakan dengan kreatifnya dari segi bahan, isi kandungan atau mesej yang ingin disampaikan. Kandungan media hendaklah menjurus kepada isu utama, trend pemilih dan kaedah menangani sesuatu isu masyarakat yang dapat meyakinkan pengundi lantaran disokong oleh maklumat dan hasil analisis berasas.

Perubahan sosial dan ekonomi penduduk dan penerusan dominasi etnik Cina selain kemajuan dalam kaedah penyiaran maklumat politik di bandar, sesungguhnya telah mencetuskan fenomena 'tsunami politik bandar'. Fenomena ini telah terlakar pada 5 Mac 2013 apabila keputusan pilihan raya ke-13 diumumkan. Kedua-dua pihak yang bertanding, iaitu Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat sebenarnya agak terkejut dengan keputusan politik rakyat Malaysia yang sedemikian. Barisan Nasional hilang

majoriti 2/3 di Parlimen dengan hanya memenangi 133 kerusi (majoriti 2/3 ialah 148 kerusi) daripada keseluruhan 222 kerusi yang dipertandingkan, manakala pakatan pembangkang memenangi 89 kerusi. Barisan Nasional juga kehilangan kuasa di tiga negeri, iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan.

Kesimpulan

Pengundi di bandar inginkan kebebasan bersuara serta berpolitik dan mereka bebas mengakses maklumat politik melalui media baru/internet. Senario politik bandar di negara ini yang didominasi golongan elit dan pertengahan adalah dinamik dan terbuka serta kritis kerana sumber maklumat politik mereka (media baru/alternatif iaitu internet; laman sosial seperti facebook dan twitter; laman web; dan blog) yang meluas dan menyeluruh. Tsunami politik bandar dikukuhkan lagi oleh majoriti pengundi Cina yang pada PRU 2013 sehingga 90 peratus terutamanya golongan muda dan profesional menyokong parti-parti dalam Pakatan Rakyat. Justeru itu, jika BN mahu mengekalkan penguasaan politiknya, mereka perlu melakukan sesuatu demi memenangi PRU akan datang. Tsunami politik bandar yang memihak kepada Pakatan Rakyat dapat dikekang misalnya dengan cara menambahbaik 'harapan demokrasi' bagi mengembalikan kepercayaan pengundi bandar kepada BN. Bagi Pakatan Rakyat pula kemaraan 'tsunami bandar' perlu diperkasakan. Penembusan maklumat politik ke kawasan luar bandar adalah strategi yang ampuh bagi menawan pengundi Melayu di luar bandar. Strategi ini juga relevan bagi kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak yang merupakan *fix deposit* kepada BN dan tembok hegemoni BN di Putrajaya pada PRU akan datang.

Penghargaan

Penghargaan kepada dana penyelidikan DPP-2013-189 Pilihan Raya Umum ke-13: Politik Lama vs. Politik Baru.

Rujukan

- Bledsoe T, Welch S (1987) Patterns of political party activity among U.S. cities. *Urban Affairs Quarterly*, **23**(2), 249-269.
<http://kpru2010.wordpress.com/2012/06/08/pembentukan-rejim-kawalan-media-baharu-dan-evolusi-dunia-siber-di-malaysia/>.
<http://news.abnxcass.com/bm/2013/05/peralihan-pengundi-cina-ke-dap/>.
<http://www.sinarharian.com.my/tawan-hampir-semua-ibu-negeri-1.162541>.
Jacobs J (1961) *The death and life of Great American Cities*. Random House, New York.
Jones M, Rhys J, Woods M (2004) *An introduction to political geography: Space, place and politics*. Routledge, London.
Kaufman S (2008) *Malaysia's alternative media become decisive political factor* (atas talian).
Krebs TB (2001) Political experience and fundraising in city council elections. *Social Science Quarterly* **82**(3), 536-551.
Mazlan Ali (2013) Faktor dan isu kemenangan parti-parti pembangkang di Kuala Lumpur dalam pilihan raya umum ke-12. (PhD dissertation) Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
Owens J, Greg T Smith GT, Clark G (2010) *City limits: Perspectives on the historical European city*. McGill-Queen's UP, Montreal.
Peng-Er L (2005) Competing modes of election campaigning in Urban Japan: The 2003 Saitama gubernatorial election. *Asian Perspective* **29**(1), 79-98.

- Ramanathan S (2008) *Mainstream versus alternate media in Malaysia's General Election 2008: Hope for media liberalisation?* A paper presented at the AMIC 2008 conference, Manila.
- SPR (2004) *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 2004*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Putrajaya.
- SPR (2008) *Laporan Pilihan Raya Umum ke-12 2008*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Putrajaya.
- SPR (2013) *Dashboard PRU 2013*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Putrajaya.
- Tang C-P (2003) Democratizing urban politics and civic environmentalism in Taiwan. *China Quarterly* (176), 1029-1051.
- Toothman J (2010) "What are the origins of democracy?" 08 June 2010. HowStuffWorks.com. [cited 25 November 2010]. Available from: <http://history.howstuffworks.com/ancient-greece/origins-democracy.htm>.
- Wood C (2002) Voter turnout in city elections. *Urban Affairs Review* 38(2), 209-231.
- Zarycki T (2000) The socio-political space of the Czech Republic and Poland. Comparative study of structures of the electoral geography. *Przeglad Geograficzny* 72(3), 269-284.